

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : MAJLIS PEMBUKAAN KURSUS MAKTAB PERTAHANAN ANGKATAN TENTERA (MPAT) SIRI 18/1998
Lokasi : HIGHGATE, KUALA LUMPUR
Tarikh : 10-02-1998

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Lembaga MPAT yang telah menjemput saya ke majlis ini dan memberi penghormatan untuk merasmikan kursus MPAT siri ke-18. Saya berasa amat gembira kerana dapat bersama-sama dengan pegawai-pegawai Angkatan Tentera yang terpilih dan dikenalpasti mempunyai potensi untuk memegang peranan penting dalam pucuk pimpinan Angkatan Tentera Malaysia. Mereka seharusnya berasa megah dan bertuah dapat mengikuti kursus ini sebagai persediaan untuk memegang tugas dan tanggungjawab yang lebih berat di masa akan datang.

2. Angkatan Tentera Malaysia sejak penubuhannya telah mencatat sejarah kejayaan yang cukup cemerlang bagi mempertahankan negara dari ancaman dari luar dan dalam negeri. Kejayaan Angkatan Tentera Malaysia menentang kominis, mematahkan konfrontasi Indonesia dan memberi khidmat cemerlang dalam operasi pengaman di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mendapat pengiktirafan bukan saja dari rakyat dan Kerajaan Malaysia, malah dari masyarakat antarabangsa.

Kejayaan ini tidak mungkin dicapai tanpa pimpinan yang komited, cekal dan berkualiti tinggi. Di atas bahu tuan-tuanlah terletaklah tanggungjawab untuk meneruskan tradisi kepimpinan cemerlang ini semoga ATM tetap unggul sebagai penjamin keselamatan dan kedaulatan negara.

3. Dalam kursus ini tuan-tuan akan berpeluang meningkat serta mendalami pengetahuan berkaitan dengan konsep dan strategi pertahanan serta isu-isu semasa yang mempunyai implikasi ke atas keamanan dan kestabilan negara, rantau dan dunia amnya. Kursus ini saya anggap cukup penting memandangkan banyak dan cepatnya perubahan-perubahan dalam arena politik dan ekonomi antarabangsa yang mempengaruhi kedudukan keselamatan dan keamanan sesuatu wilayah atau rantau. Andaian atau assumption yang dibuat beberapa tahun lalu mungkin tidak relevan lagi pada hari ini. Jika andaian ini tidak dikaji semula, mungkin dasar yang digubal juga tidak akan menepati tujuan sasarannya.

4. Kejayaan negara kita menghadapi segala ancaman yang timbul adalah hasil dari pelaksanaan dasar pertahanan yang dinamik yang mengambil kira perubahan persekitaran dan geo-politik yang kita alami sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Ini jelas dari perubahan dasar dan strategi yang dilalui oleh ATM. Dari sebuah pasukan counter-insurgency yang banyak bergantung kepada bantuan luar di bawah Anglo-Malaya Defence Agreement, dasar pertahanan kita telah berkisar kepada self-reliance sebaik sahaja Kerajaan British mengumumkan East of Suez Policy pada tahun 1970, sungguhpun bantuan dari negara Komonwel masih diperolehi di bawah Five Power Defence Arrangement. Selanjutnya negara kita mempelopori konsep ZOPFAN dan kerjasama pertahanan dua hala dengan negara-negara ASEAN apabila keadaan jelas menunjukkan bahawa persaingan kuasa-kuasa besar di Asia Tenggara berpotensi menarik negara-negara ini ke dalam kancuh persengketaan. Sejak akhir tahun 1970an, sebagai response kepada perkembangan di Wilayah Indochina, ATM mula bertukar wajah ke arah satu pasukan tentera conventional. Perubahan-perubahan ini saya bangkitkan untuk menekankan berapa dinamiknya dasar pertahanan negara dan betapa pentingnya kita memahami dan mendalami dasar-dasar kuasa luar serta perkembangan-perkembangan di negara-negara jiran di rantau Asia Tenggara khususnya dan di rantau-rantau lain amnya dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar pertahanan yang credible.

5. Sungguhpun adalah menjadi dasar Kerajaan supaya ATM kita dipermodenkan dan dilengkapi dengan peralatan yang baru supaya ia mempunyai daya deterrent kepada mana-mana pihak yang mengancam negara, namun kita tidak dapat lari dari hakikat bahawa kerjasama rapat dengan negara-negara jiran dalam semua bidang adalah kritikal bagi menjamin keselamatan negara. Suasana harmonis di seluruh Wilayah Asia Tenggara perlu dipupuk dan dibina bagi meningkatkan kepercayaan dan keyakinan antara satu sama lain.

Kadangkala ini bukan begitu senang dicapai oleh kerana negara-negara di rantau ini masih mempunyai kepentingan nasional masing-masing. Namun demikian, usaha perlu diteruskan. Saya berharap tuan-tuan, sebagai pemimpin ATM yang akan datang, akan teruskan usaha ini bagi menjamin keamanan dan kestabilan negara dan rantau ini.

6. Sungguhpun beberapa inisiatif ASEAN mengambil masa yang agak lama untuk direalisasikan, usahanya telah menampakkan hasil yang cukup membanggakan. Rantau Asia Tenggara kini secara keseluruhannya adalah aman, walaupun masih terdapat sedikit pergeseran bersenjata di Cambodia. Negara-negara ASEAN adalah bebas dari apa-apa persengketaan bersenjata walaupun antara mereka terdapat masalah-masalah bilateral seperti tuntutan bertindih di daratan dan di Laut Cina Selatan, penyeludupan dan pendatang tanpa izin. Keyakinan ASEAN tentang potensinya sebagai instrument of peace telah melahirkan ASEAN Regional Forum bagi meningkatkan lagi dialog dan persefahaman antara ASEAN dengan negara-negara Asia- Pasifik yang lain yang turut mempunyai kepentingan di rantau ini. Dapatlah disimpulkan bahawa diplomasi merupakan elemen yang cukup penting dalam usaha mempertahankan kedaulatan negara. Justeru itu diplomasi dan kesiapsiagaan ketenteraan tidak dapat dipisahkan dalam strategi pertahanan negara. Mungkin ini adalah satu yang jelas atau obvious kepada tuan-tuan tetapi perlu diperingati dari masa ke semasa supaya dasar luar dan dasar pertahanan sentiasa selari dan sealian.

7. Sebagai sebuah negara yang berkedudukan strategik di tengah-tengah Asia Tenggara, berhadapan dengan perairan utama yang menyambung Eropah ke Asia Timur, dan kaya dengan sumber minyak serta komoditi lain, Malaysia tidak bebas dari godaan oleh sesetengah negara supaya turut melibatkan diri dalam usaha-usaha untuk memencil atau mengasingkan negara lain di Asia. Kerajaan telah menetapkan supaya Malaysia tidak terlibat dalam apa juga usaha atau komplot sedemikian yang bertentangan dengan dasar Malaysia untuk berbaik-baik dengan semua negara. Banyak negara asing menganggap negeri China yang giat membangun sebagai pengancam kepada kepentingan mereka. Kerajaan kita tidak bersetuju dengan anggapan tersebut kerana negeri China yang kaya dan stabil yang mempunyai hubungan rapat dengan negara-negara jiran merupakan positive force yang boleh menjamin keamanan dan kemakmuran di rantau ini. Saya berharap pendirian ini difahami oleh tiap-tiap pegawai Angkatan Tentera supaya tidak tertarik dengan hujah-hujah yang sering didengar mengenai the China Threat.

8. Sebagai pegawai-pegawai kanan ATM dan PTD, tuan-tuan sudah tentu cukup arif tentang perubahan geo- politik dan ekonomi yang melanda masyarakat antarabangsa sejak satu dekad yang lalu. Runtuhnya Tembok Berlin pada tahun 1989 dan tamatnya Perang Dingin telah membawa kesan yang cukup besar dalam hubungan antarabangsa dan keamanan dunia. Soviet Union berpecah belah, permusuhan etnik menghancurkan Yugoslavia, Amerika Syarikat muncul sebagai kuasa dominant dengan tindak tanduknya yang tidak disenangi oleh banyak negara. Liberalisasi dan globalisasi ekonomi telah menukar corak perdagangan antarabangsa. Tidak kurang pentingnya juga adalah kemajuan teknologi IT dan ledakan penggunaannya secara besar-besaran yang mengubah cara hidup, cara bekerja dan cara kerajaan berfungsi. Ia juga mengubah tatacara peperangan dilaksanakan. Sesiapa yang tidak menguasai IT sudah tentu akan ketinggalan. Saya sedar bahawa penggunaan IT dalam ATM sudahpun berjalan sejak beberapa tahun yang lalu. Namun ia perlu diperluaskan lagi kepada anggota-anggota ATM termasuklah pegawai-pegawai kanan, supaya ATM dapat menikmati manfaat IT dalam kerja harian, dalam operasi dan apa jua keadaan. Ini adalah keperluan kritikal dalam sebuah Angkatan Tentera yang modern dan efficient.

Para peserta sekalian,

9. Tuan-tuan telah memasuki satu profesion yang terkenal dengan kegagahan, keberanian dan pengorbanan demi kedaulatan negara. Adanya keamanan yang dikecapi sekarang tidak bermakna bahawa cabaran sudah berakhir dan semangat pengorbanan boleh diketepikan. Tetapi sebaliknya masih banyak cabaran dan pengorbanan perlu dihadapi oleh tuan-tuan dalam usaha menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan yang melanda dunia hari ini, lebih-lebih lagi ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi. ATM cannot afford those who are complacent even in the best of time.

10. Saya ucapkan selamat maju jaya kepada tuan-tuan semoga kursus ini memberi manfaat sepenuhnya dalam menghadapi cabaran dan tanggungjawab yang lebih besar di masa depan.

11. Dengan ucapan Bismillahi Rahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Kursus MPAT Kali Ke-18.